

# Kerajaan tiada rancangan terbit bon di luar negara

UM - 4 SEP 2002

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tiada rancangan pada masa ini untuk menerbitkan bon di luar negara bagi menajana pembangunan ekonomi negara.

Tegas beliau, ia disebabkan setakat ini tidak ada sebarang keperluan untuk membuat lebih banyak pinjaman.

Menurutnya, kalau pun kerajaan mahu membuat pinjaman, ia mampu mendapatkan dana dari dalam negara.

“Terdapat banyak wang (di dalam negara) di mana para pengurus dana mendapati sukar untuk dilaburkan.

“Contohnya, pada akhir tahun ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mempunyai RM210 bilion. Ia harus meletakkan wang ini di satu tempat. Jika kami mahu meminjam, adalah mudah bagi kami meminjam dari dalam negara daripada dari luar.

“Sudah tentu banyak orang menggesa kita supaya meminjam duit dari luar negara tetapi kerajaan kadangkala meminjam hanya untuk membuat tanda aras tentang tahap nilai kredit negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Percukaian Nasional Kedua di Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada kerajaan merancang untuk menjual bon memandang penarafan kredit Malaysia kini lebih baik.

Dalam pada itu mengulas kemungkinan Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan 20 September ini meli-

batkan penurunan cukai korporat seperti yang diminta banyak pihak, beliau berkata: “Kita akan buat keputusan.”

Beliau juga enggan mengulas kemungkinan kerajaan akan menaikkan cukai tembakau dan alkohol.

“Kita masih mengkajinya. Masalah dengan menaikkan cukai (ke atas tembakau) adalah ia menyebabkan banyak penyeludupan.

“Melainkan jika dapat memperbaiki keupayaan menghentikan aktiviti penyeludupan ini, menaikkan cukai tidak akan benar-benar meningkatkan pendapatan negara,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya Perdana Menteri berkata, kerajaan telah menggunakan cukai yang dikutip secara bijak bagi membiayai perbelanjaan negara.

Tegasnya, rakyat boleh berbangga dengan infrastruktur yang wujud di negara ini hasil daripada pembiayaan pungutan cukai.

“Bagi Belanjawan Kerajaan Persekutuan tahun 2002, 78.3 peratus berpunca daripada cukai dan dari itu, sumbangan cukai langsung ialah 37.2 peratus.

“Berdasarkan statistik itu, kedudukan Malaysia adalah lebih kukuh berbanding negara-negara membangun lain dari segi sumber perbelanjaan kerajaan untuk pembangunan negara,” katanya.

Cuma, tegas Dr. Mahathir, persoalan sekarang ialah sama ada semua yang layak membayar cukai menunaikan tanggungjawab mereka.

Bagi tahun 2001, katanya, cukai langsung yang dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berjumlah RM41.79 bilion iaitu pening-

katan 43.29 peratus berbanding tahun 2000.

Tegasnya, penyumbang utama kutipan tertinggi dalam sejarah LHDN ini adalah kumpulan syarikat yang menyumbangkan 51.64 peratus manakala cukai yang dipungut daripada orang perseorangan hanya 20.09 peratus.

“Oleh itu, berdasarkan statistik ini, usaha-usaha berterusan sedang diambil bagi meningkatkan pematuhan cukai.

“Sistem Taksir Sendiri (STS) yang diperkenalkan kerajaan adalah ke arah meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela,” katanya.

Dalam aspek ini Perdana Menteri berkata, antara langkah yang sedang dipergiatkan oleh LHDN ialah penguatkuasaan melalui aktiviti banci bisnes, audit dan penyiasatan.

Tegasnya: “Sekiranya semua orang yang layak dikenakan cukai membayar cukai mereka, kesannya ialah kita akan menikmati pembangunan yang lebih,” katanya.

Mengulas tema persidangan ‘Mengglobalisasikan Sistem Cukai dalam Dunia Tanpa Sempadan’ beliau berkata, LHDN perlu memberi perhatian terhadap permasalahan isu-isu cukai antarabangsa seperti ‘peminahan harga’ dan e-dagang.

“Masalah seperti ini adalah cara untuk mengurangkan keuntungan dalam Malaysia dan dengan ini, cukai yang dibayar di negara ini mungkin kurang kerana cukai kita adalah 28 peratus, ada tempat lain cuma 16 peratus.

“Kalau mereka pindah keuntungan ke negara lain, mereka akan bayar cukai yang kurang,” katanya.